

MASA HADAPAN SENI LUKIS MALAYSIA




Dalam 20 tahun belakangan ini, terdapat fenomena yang melanda seluruh dunia apabila minat terhadap seni lukis kontemporari bertambah dari tahun ke tahun. Dahulu pusat seni lukis terletak di bandar besar di Eropah, seperti Paris, pada lewat abad ke-19 apabila lahirnya aliran awal dalam seni moden, seperti impresionisme, fauvisme dan kubisme, daripada revolusi industri.

Selepas perang dunia pertama dan kedua, kebanyakan negara Eropah ini jatuh bankrap. Rakyatnya menjadi pelarian atau berhijrah untuk mencari kehidupan baharu di negara lain. Amerika Syarikat (AS) menjadi pilihan. Maka negara itu menjadi kuasa baharu dalam seni moden atas kehadiran warga Eropah yang melarikan diri dari negara mereka kerana faktor politik dan kebuluran, atau untuk mencari kehidupan yang lebih baik.

Sumbangan mereka, baik dalam seni, sains mahupun teknologi, diangkat bagi menjadikan AS sebagai kuasa utama dunia dalam segala bidang. Jadi warga baharu ini berlumba-lumba untuk menunjukkan kehebatan masing-masing, tidak terkecuali dalam bidang seni lukis. Lahirlah aliran baharu dalam seni atas penerokaan warganya yang bersalasilahkan bangsa Eropah. Aliran seni, seperti ekspresionisme abstrak, seni pop, seni optik dan seni minimal, menjadi gerakan baharu dalam aliran dunia seni. Perkara ini dibuktikan berdasarkan pelajar kita yang pernah menuntut di Eropah atau di AS yang terpengaruh dengan sistem seni di sana dan meneruskan kesinambungannya selepas mereka kembali ke tanah air.

LANGKAH MENDEPANI CABARAN SEMASA

Seni lukis mempunyai potensi yang besar untuk berkembang maju seiring dengan hasrat negara bagi menjadikan seni budaya sebagai satu daripada penerapan nilai rohani dalam pembentukan insan dan secara fizikalnya, dalam sektor pelancongan yang menyumbang kepada pendapatan negara selain bahan mentah dan bidang sukan yang sangat diberi perhatian oleh kerajaan dari segi penyediaan infrastruktur, seperti stadium,



Muzium seni di luar negara menjadi satu daripada destinasi wajib pelancong.

gelanggang, aspek kejurulatihan dan fisioterapi. Seperti sukan yang bukan sahaja untuk membentuk warganegara sihat, malah untuk mengharumkan dan mempromosikan nama negara di persada antarabangsa, seni lukis pun begitu.

Perancis berjaya untuk menjadikan seni budaya sebagai pendapatan utamanya. Pengunjung sanggup beratur panjang dan membayar semata-mata untuk melihat karya *Monalisa* walaupun telah retak 100 kerana berusia ratusan tahun di Louvre Museum, Paris. Kini Louvre Museum menjadi muzium yang paling banyak dilawati daripada laporan yang dikeluarkan akhbar seni yang popular, *The Art Newspaper*, berdasarkan *Review Visitor Figures Survey 2016* yang dikeluarkan pada April 2017. Jumlahnya 7.4 juta orang setahun, diikuti oleh Metropolitan Museum of Art di New York dengan 6.7 juta orang, dan British Museum di London dengan 6.4 juta orang. Laporan ini juga menunjukkan bahawa dalam senarai 10 muzium yang paling banyak pengunjungnya, semuanya di Eropah, kecuali National Palace Museum di Taiwan. Sumber lain menyatakan bahawa Metropolitan Museum of Art menjanakan pendapatan berjumlah RM 1.8 bilion daripada jualan tiket masuk serta pembelian buku dan cenderamata.

Seni lukis tidak menjadi keutamaan negara pada masa ini. Bidang ini juga mengharapkan layanan yang sama seperti yang diberikan kepada bidang lain. Banyak pengiktirafan diberikan oleh pihak luar terhadap kebolehan dan bakat yang ditunjukkan oleh pelukis negara, seperti anugerah seni, geran luar, dan undangan untuk mengadakan pameran di luar negara. Perkara ini jarang-jarang diketahui dan diberi publisiti yang meluas oleh media massa tempatan berbanding dengan sukan, sebagai contoh, yang memenuhi sekurang-kurangnya tiga halaman akhir akhbar. Terdapat usaha untuk memberikan ruangan khas perihal seni dalam akhbar arus perdana, seperti ruangan Sastera dan Budaya, namun semakin hari ruangan ini semakin hilang.

Pada awal tahun 1970-an, *Dewan Sastera* menjadi rujukan utama oleh seniman dan sasterawan untuk membaca karya sastera terkini, peristiwa seni atau pameran seni yang diadakan di negara ini. Apabila polemik pameran "Towards to Mystical Reality" diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka, majalah ini menjadi lidah utama bagi menyalurkan pandangan pelukis dan pengkritik. Mereka yang terlibat dalam perdebatan dalam majalah ini selama beberapa bulan termasuklah Redza Piyadasa, Siti Zainon Ismail, Salleh Ben Joned, Raja Zahabuddin Raja Yaacob, Krishen Jit dan Ponirin Amin. Polemik ini diikuti dengan penuh minat oleh seniman dan sasterawan.

Ch. no. 0000275591
ART 2018 A 08.

Dewan Budaya
Februari 2018

Arts & Literature - Drawing Arts
Pg 6 - 15.

Selepas kemunculan *Dewan Budaya* pada tahun 1979, kebanyakan hasil tulisan seni dan budaya difokuskan dalam majalah ini dan tidak lagi bercampur dengan karya sastra, seperti novel, cerpen, sajak dan drama. Sehingga kini, majalah ini tidak putus-putus menyiarkan artikel atau ulasan pameran atau profil pelukis bagi menyemarakkan kegiatan seni di negara ini. Kadangkala *Dewan Budaya* memberikan tema khusus untuk dibincangkan oleh pakar bidang atau ahli akademik.

Bagi menelusuri minat terhadap seni kontemporari, kemunculan internet mempercepat saluran maklumat dan komunikasi di pusat seni, seperti New York dan London, dan minat ini mula tersebar di Timur. China, yang dahulu menutup pintunya kepada dunia, kini menjadi kuasa besar ekonomi dunia, dengan penduduk yang berjumlah 1.3 bilion dan pesapatan ekonominya. China kini menghasilkan berjuta-juta warga kelas pertengahan yang bergelar jutawan yang mempunyai kuasa beli yang besar.

Atas dasar itu, banyak galeri swasta di Barat, yang dahulunya mempunyai cawangan di pusat seni ini, mula melebarkan sayap ke Asia Timur, seperti Shanghai dan Hong Kong. Asia Tenggara dikatakan sebagai pasaran baharu bagi seni kontemporari selain China dan India. India dikatakan sebagai kuasa yang menyaingi China di Asia, namun atas sebab kekurangan infrastruktur seni, seperti muzium, galeri, pasar seni dan acara besar seni, Asia Selatan berkembang agak perlahan

berbanding dengan Asia Tenggara.

Kekayaan negara Arab hasil daripada penjualan minyak telah membuka banyak peluang kepada pembangunan seni. Putera Arab yang kaya-roya membuka peluang kepada warga Eropah untuk membina infrastruktur seni budaya di negara mereka. Sebagai hasilnya, banyak rekaan seni bina terkini dibina di Abu Dhabi, Doha dan Manama. Bagi memajukan aspek kesenian, terutama seni lukis, mereka mengadakan kerjasama dengan muzium popular dunia, seperti Louvre Museum dan Metropolitan Museum of Art. Kini cawangan muzium ini dibina di negara mereka dan sebilangan koleksi muzium utama yang terletak di Paris dan New York dipinjamkan kepada muzium baharu untuk menandakan ekonomi berasaskan pelancongan seni.

PE

Apabila kita memperkatakan infrastruktur seni, perkara yang menjadi kunci ialah pemain utamanya, iaitu pelukis, galeri, kurator dan kolektor. Dalam dunia seni, mereka menjadi pelengkap cara sistem dunia seni itu berfungsi.

Pelukis ialah figura penting dalam dunia seni. Tanpanya, pemain lain lumpuh kerana tiada objek atau produk untuk dijadikan sebagai komoditi, dipasarkan atau dimiliki. Aspek ini menjadi nilai insan yang semakin dihargai oleh kerajaan. Kata Pablo Picasso, "setiap anak kecil ialah genius seni, persoalannya ialah cara mahu mengekalkan mereka setelah mereka menjadi dewasa."

Dalam dunia pendidikan, kanak-kanak didedahkan kepada seni lukis sejak prasekolah atau lebih awal daripada itu, bergantung pada inisiatif ibu

bapa. Jika dibandungkan ibu bapa di Barat dengan ibu bapa di sini, kebanyakan ibu bapa Eropah lebih menggalakkan anak mereka untuk terlibat dengan seni, seperti seni lukis, muzik dan tari. Mereka tidak menggalakkan anak menceburi bidang itu setelah mereka dewasa, tetapi untuk merangsang kreativiti anak dalam penyelesaian masalah. Seni dan reka cipta ialah penyelesaian masalah ini yang jarang-jarang disedari oleh ibu bapa di sini.

Apabila mereka memasuki sekolah rendah, seni lukis diajarkan seminggu sekali oleh guru pendidikan seni. Apabila mereka ke sekolah menengah, tunas pelukis muda mula terbentuk berdasarkan minat yang ditunjukkan di kelas dan atas galakan guru seni. Pelukis tunas ini biasanya mendapat keputusan cemerlang dalam

mata pelajaran Pendidikan Seni. Lalu mereka seterusnya ialah ke institusi pendidikan tinggi awam atau swasta dalam jurusan seni halus.

Kerana menyedari kepentingan tenaga baharu yang dapat menggerakkan dunia seni ini, kerajaan mengadakan sekolah seni. Konsepnya diambil daripada sekolah sukan bagi melahirkan atlet. Pada masa ini, kebanyakan pelukis berbakat negara datangnya dari Universiti Teknologi Mara, atau dahulunya Institut Teknologi Mara (ITM), dan Malaysia Art Institute.

Sejak penubuhannya, ITM banyak menghasilkan pelukis besar negara yang bukan sahaja pelukis sepenuh masa, tetapi pensyarah dan pendidik juga. Pelukis Malaysia bergerak secara solo, berkumpulan atau berpersatuan. Dilema yang dihadapi oleh mereka setelah bergelar graduan ialah tekanan hidup daripada ibu bapa. Tekanan ini berpunca daripada harapan ibu bapa yang terlalu tinggi dan mengharapkan anak mereka mempunyai pekerjaan tetap setelah tamat belajar. Oleh itu, terdapat polarisasi pelukis ini bagi meneruskan karier mereka.

Yang pertama, menjadi pelukis sepenuh masa apabila tumpuan yang sepenuhnya diberikan kepada penghasilan karya seni. Mereka bergerak secara profesional dengan mempunyai studio atau bengkel seni. Kebanyakan pelukis sepenuh masa di Malaysia ialah pelukis mapan yang berkarier selama 20 hingga 30 tahun. Terdapat juga pelukis muda yang, setelah keluar dari sekolah seni, terus memilih untuk bergerak secara sepenuh masa, dengan menjadikan

Peranan pelukis, galeri, kurator, dan kolektor penting bagi melihat pembangunan seni di negara ini pada masa hadapan. Bagi melihat masa hadapan itu, kita perlu juga melihat dasar yang ada, seperti Dasar Kebudayaan Kebangsaan, dan Dasar Industri Kreatif Negara.

ruang residensi di dalam dan di luar negara sebagai studio atau makmal seni mereka.

Kebanyakan pelukis sepenuh masa mempunyai galeri yang mewakili mereka, sama ada melalui kontrak ataupun berasaskan projek pameran di galeri mereka. Bagi pelukis sepenuh masa yang mempunyai nama dalam dunia seni, penjualan karya mereka tidak begitu sukar berbanding dengan pendatang baharu kerana mereka mempunyai galeri dan pengumpul yang mengikuti perkembangan pengkaryaan mereka sejak awal bagi membuat pilihan pembelian.

Pelukis separuh masa bermaksud pelukis yang mempunyai pekerjaan hakiki pada waktu siang, namun menghasilkan karya pada waktu malam atau terluang. Di Malaysia, kebanyakan daripada mereka terlibat dalam pendidikan. Mereka menjadi pensyarah seni, kurator dan guru, atau terlibat sebagai pengaruh artistik, pereka prop teater, drama atau filem, dan pereka grafik. Biasanya habuan kewangan daripada pekerjaan harian bukan sahaja untuk memenuhi kehidupan

Seni visual di negara ini dapat dikatakan masih berada pada peringkat tunas.



yang perlu dilunaskan, tetapi juga dijadikan sebagai modal untuk membeli peralatan seni bagi menghasilkan karya baharu. Bagi mereka yang bergerak begini, masa yang terluang sangat berharga dan membiarkannya berlalu tanpa menghasilkan apa-apa karya pada hari itu umpama diri mereka "mati" pada hari itu.

Pola ketiga ialah mereka yang belajar seni, tetapi sudah tidak mempraktikkan apa-apa yang dipelajari atas desakan kehidupan yang membuatkan mereka terus meninggalkan profesion dan kemahiran yang ada. Mereka mungkin terlibat dengan perniagaan dan terlalu sibuk dengan dunia keusahawanan lalu melupakan segala kemahiran yang diperoleh. Ada antara mereka tidak terlibat lagi dalam penghasilan karya seni. Ilmu seni yang ada dijadikan sebagai batu loncatan sebagai pemilik galeri yang memperdagangkan seni rakan pelukis untuk menghubungkan pelukis dengan pengumpul kerana hubungan akrab yang dimilikinya.

Dari aspek masa hadapan pelukis ini, banyak perkara yang

dapat diperbaiki. Kini terdapat hanya dua buah sekolah seni di Malaysia. Bilangan ini hendaklah ditambah di setiap negeri, terutama di bandar yang dikenali sebagai pusat seni, seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Melaka. Institut pengajian tinggi perlu menawarkan kursus seni dan budaya bagi menyediakan tenaga mahir dalam bidang ini pada masa hadapan. Kini hanya Aswara yang menawarkan kursus seni dan budaya sepenuhnya. Usaha yang sama perlu dilakukan untuk membanyakkan institut pengajian tinggi yang hanya memfokuskan kursus seni lukis dalam pelbagai genre bagi menyokong sekolah seni.

Untuk pelukis bergiat secara serius sebagai pelukis sepenuh masa, beberapa inisiatif boleh diadakan dalam aspek kebajikan agar dalam usaha untuk meneruskan kelangsungan karier seni, mereka tidak terkandas bagi menghasilkan karya besar dan hebat. Misalnya, bagi pelukis muda, sudah tentu ruang kerja atau studio menjadi keperluan utama. Maka dengan sokongan

sektor korporat, kilang, gudang, rumah, bangunan kerajaan, atau kuarters kerajaan yang ditinggalkan dan tidak digunakan lagi dapat dijadikan sebagai ruang pelukis yang boleh menggunakan pelbagai nama, seperti residensi, ruang alternatif dan komuniti seni. Tempat ini dapat dijadikan sebagai tempat tarikan pelancongan yang bukan sahaja mendatangkan pekerjaan kepada pelukis, malah menjanakan pendapatan melalui pelancongan seni budaya.

GALERI

Galeri dapat dilihat dalam konteks yang lebih besar, iaitu infrastruktur seni, seperti muzium seni, galeri seni, ekspso seni dan rumah lelongan. Ruang pameran berskala besar, sederhana, atau kecil amat perlu sebagai perantara antara pelukis dengan penghayat. Selepas kemerdekaan, banyak muzium seni dibina oleh kerajaan persekutuan dan negeri, serta sektor swasta, seperti Balai Seni Negara, Muzium Kesenian Islam Malaysia, Muzium Seni Asia UM, Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah USM, Galeri Serdang UPM, Muzium Negeri Terengganu, Balai Seni Lukis Melaka, Balai Seni Negeri Kedah, Balai Seni Lukis Sabah dan Galeri Seni Johor. Hampir setiap negeri mempunyai galeri seni bagi mengadakan pameran. Muzium dan galeri ini mengadakan pameran sepanjang tahun dengan rancangannya. Misalnya, Balai Seni Negara dan Muzium Kesenian Islam Malaysia mempamerkan karya koleksi negara dan antarabangsa serta secara berkala.

Seni lukis tidak menjadi keutamaan negara pada masa ini. Bidang ini juga mengharapakan layanan yang sama seperti yang diberikan kepada bidang lain.

Muzium atau balai seni negeri dan muzium universiti banyak menampung permintaan oleh pelukis negeri atau pameran berasaskan penyelidikan. Muzium Negeri Terengganu, Balai Seni Lukis Sabah dan Galeri Seni Johor, misalnya, memberikan peluang kepada anak negeri untuk mempamerkan karya mereka di samping mengadakan pameran yang mengangkat nilai seni budaya negeri. Muzium Seni Asia UM, Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah USM dan Galeri Serdang UPM pula, misalnya, cenderung untuk memberikan peluang kepada pelajar dan penyelidik berkongsi dapatan dalam penerokaan mereka. Galeri ini juga membuka ruang kepada pengkarya luar yang sedia berkongsi penerokaan dengan khalayak akademik bagi melengkapkan kajian mereka.

Pada hari ini, infrastruktur pameran bukan sahaja disediakan oleh muzium dan balai seni kerajaan, malah galeri swasta. Kini terdapat lebih daripada 300 buah galeri seni sebegini di bandar raya, seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Melaka. Dijingka bilangan ini bertambah seiring dengan minat terhadap seni kontemporari pada hari ini. Untuk mendepaninya, persediaan dari sekarang perlu diadakan, seperti pembesaran ruang pameran, kemudahan

wifi, penyediaan aplikasi alat bantu pameran yang terkini yang lebih interaktif dengan pengunjung, dan ruang khas permainan seni untuk anak kecil beraktiviti bagi menjadikan muzium sebagai pusat riadah dan sosial berteknologi terkini.

Pasaran seni semakin berkembang kerana sokongan muzium dan balai seni serta galeri seni swasta. Kewujudan pasar yang lebih besar di bawah satu bumbung, seperti Ekspo Seni Malaysia, dan rumah lelongan yang tumbuh seperti cendawan tumbuh, seperti Masterpiece, Larasati, Borobudur, Henry Butcher Art Auctioneers dan Klas Art Auction, membuka pelbagai peluang terhadap pasaran kedua bagi merencanakan perkembangan seni lukis Malaysia.

Namun begitu, pada masa ini, pelukis tidak mendapat apa-apa habuan jika karya mereka dijual semula dalam pasaran kedua oleh pengumpul. Oleh itu, dasar yang baharu, saksama, dan menjaga hak pengkarya asal perlu dilihat semula oleh kerajaan pada masa akan datang.

KURATOR

Kurator memainkan peranan penting bagi menghubungkan karya pelukis dengan penghayat. Sejarah kuratorial negara bermula selepas kewujudan Balai Seni Negara pada akhir tahun 1950-an. Sebelum itu, mungkin ada pameran oleh galeri swasta yang dikuratori oleh kurator undangan. Secara rasminya, dapat dikatakan bahawa istilah kurator mula popular digunakan selepas penubuhan institusi itu. Sepanjang 60 tahun


penubuhannya, banyak pameran menarik diadakan, seperti "Pablo Picasso", "Henry Moore" dan "Robert Rauschenberg: Culture Oversea Interchange (ROCI)".

Penganjuran pameran antarabangsa mega KL Biennale oleh pasukan kuratorial Balai Seni Negara meletakkan Malaysia di peta destinasi seni kontemporari dunia. Penganjurannya pada tahun 2017 berjaya mempromosikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya seni budaya yang menjadi pilihan peminat seni dan pelancong. Perkataan *biennale* digunakan khusus untuk penganjuran seni berskala besar secara dwitahunan. Walaupun terdapat *biennale* yang lain, seperti Langkawi Biennale dan Shah Alam Biennale, seni ini hanya bersifat perkhemahan dan residensi seni. KL Biennale menjadi penanda aras seni lukis negara untuk masa hadapan bagi meletakkan Malaysia setanding dengan *biennale* Asia Tenggara yang lain, seperti Singapore Biennale, Jakarta Biennale dan Jogiakarta Biennale.

Kewujudan muzium seni kontemporari di negara membangun dan negara maju kini bukan untuk menyaingi kewujudan muzium seni di negara berkecayaan. Muzium seni kontemporari, seperti Museum of Contemporary Art Los Angeles (MoCA LA), Museum of Contemporary Art Shanghai (MoCA Shanghai), Hamburger Bahnhof Museum für Gegenwartdi Berlin dan Museum of Modern and Contemporary Art in Nusantara (MACAN), misalnya, bertujuan untuk mempamerkan karya seni kontemporari yang

Balai Seni Negara sudah 60 tahun bergelulang dengan seni.





Tan Sri Azman Hashim (kiri) pengumpul seni. Dato' Syed Ahmad Jamal pula penghasil seni.

semakin diminati, seperti karya pemasangan, media baharu dan persembahan multimedia, yang interaktif dengan pelawat.

Bagi memenuhi permintaan yang semakin tinggi daripada pelawat daripada gambar yang dimuat naik dalam media sosial, karya sebegini mendapat perhatian orang ramai. Muzium sebegini, yang diurus oleh kumpulan kuratorial pada masa hadapan, perlu diberi perhatian dalam pembangunan seni di pusat seni negara ini dengan, misalnya, membina muzium seni kontemporari, iaitu Muzium Seni Kontemporari Kuala Lumpur (MoCA KL).

Selain kurator institusi yang berkhidmat dengan muzium atau balai, terdapat kurator yang bergerak secara bebas tanpa ada komitmen terhadap visi sesuatu badan. Kurator di negara ini semakin meningkat jumlahnya walaupun tiada angka rasmi yang dapat dirujuk. Hal ini berdasarkan pameran sepanjang lima tahun belakangan ini apabila banyak galeri mengundang kurator bebas untuk mengkuratorkan pameran. Oleh itu, persatuan kurator perlu dibentuk,

misalnya, dengan nama Forum Kurator Malaysia, bagi mendepani cabaran yang dihadapi dari segi undang-undang, penapisan, hak cipta, royalti dan lain-lain. Persatuan ini dapat menjadi jurucakap dan payung dan untuk kurator berteduh jika ada isu, di samping menjalankan kegiatan yang dapat memantapkan profesion mereka, seperti seminar, forum, bengkel dan syarahan.

Ada kurator yang telah mencipta nama pada peringkat antarabangsa diundang untuk mengkuratorkan pameran atau menjadi pengaruh artistik pameran, seperti Singapore Biennale, SEA Art Triennale dan Art Basel Hong Kong. Dalam jangka masa panjang, untuk melihat persaingan yang sihat, pengiktirafan diperlukan bagi menghargai sumbangan mereka. Pengiktirafan dapat dilakukan oleh Forum Kurator Malaysia dengan, misalnya, Balai Seni Negara sebagai badan penyokong bagi memilih kurator yang mengharumkan nama Malaysia di luar negara. Anugerah ini juga dapat diberikan dalam mana-mana anugerah seni lukis yang

diadakan secara tahunan oleh badan seni dengan menamakan kurator terbaik tahun itu bagi memberikan semangat serta meningkatkan prestasi dan mutu kuratorial dari masa ke masa.

KOLEKTOR

Kolektor memainkan peranan penting bagi menghimpunkan karya seni yang dihasilkan oleh pelukis melalui perantaraan galeri dan kurator. Kolektor dapat dibahagikan kepada kolektor persendirian, korporat dan institusi. Jumlah mereka semakin bertambah sejak ekonomi Malaysia *boom* pada tahun 1990-an. Sudah menjadi trend pengumpul persendirian pada hari ini dalam kalangan profesional dalam bidang masing-masing, seperti peguam, ahli perniagaan, pemuja hartanah, ketua pegawai eksekutif, pakar bidang dan profesional muda.

Setiap pengumpul seni besar Malaysia, seperti Kamarul Ariffin Mohd. Yassin, Daim Zainuddin, Azman Hashim, Zain Azahari, Pakharuddin dan Fatimah Sulaiman, Uwei Shaari, Steven Wong, serta Alia dan Farouk Khan, mempunyai tema sendiri yang menjadi cita rasa kegemaran mereka ketika membuat pengumpulan. Kolektor persendirian yang suka kepada seni tradisi Melayu akan mencari karya yang sesuai dengan jiwa penyimpan, di samping meninggalkan statusnya kerana memiliki pemikiran pelukis di sebaliknya karya itu.

Pengumpul korporat diklasifikasikan sebagai 'pengumpul koleksi bagi memenuhi misi dan visi syarikat itu, di samping memperlihatkan tanggungjawab sosial kepada



Kerajaan tempatan mempunyai peranan untuk meningkatkan minat terhadap seni dalam kalangan masyarakat.

masyarakat bagi menyokong pembelian karya seni pelukis tempatan. Antara pengumpul korporat termasuklah Muzium Negara, Galeri Petronas, Galeri Ilham, Galeri Maybank, UOB Bank dan Khazanah Nasional. Di samping menyimpan karya di arkib, karya ini diletakkan di bangunan dan pejabat mengikut kesesuaian bagi mewujudkan suasana kerja yang selesa dan kondusif, seterusnya meningkatkan imej syarikat di mata umum.

Balai Seni Negara telah memainkan peranannya sebagai kolektor bagi merencanakan dunia seni yang dimainkan oleh pelukis, galeri dan kurator. Kini institusi ini mempunyai 4347 karya koleksi negara yang bernilai RM73 juta hasil daripada perolehan melalui pembelian, komisen dan hadiah. Antara karya ini termasuklah enam karya arca awam di Laman Balai Seni Negara. Pada sekitar tahun 1980-an dan 1990-an, terdapat banyak arca

Apabila kita memperkatakan infrastruktur seni, perkara yang menjadi kunci ialah pemain utamanya, iaitu pelukis, galeri, kurator dan kolektor.

awam yang dibangunkan oleh kerajaan atau sektor swasta, seperti Taman Arca Asean di pekarangan Tugu Negara dan Taman Warisan Public Bank, Kuala Lumpur. Sektor korporat pula meletakkan arca sebagai mercu tanda atau untuk mencantikkan landskap bangunan, seperti di pekarangan Menara Maybank dan Bank Negara.

Bagi memartabatkan seni arca di tempat awam pada masa hadapan, kerajaan pusat bersama-sama kerajaan tempatan, seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Petaling Jaya atau Majlis Bandaraya Shah Alam, perlu memperketat peraturan ketika meluluskan projek pembangunan baharu dengan mewajibkan pemuja untuk membina seni awam, seperti arca di tapak pembangunan mereka oleh arcaawan tempatan, bagi mereka menunjukkan kreativiti.

Bagi menggalakkan pengumpul terus mengumpulkan hasil karya pelukis tempatan pada masa depan, selain pengecualian cukai, galakan dari segi bantuan dana atau pinjaman daripada Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan (Cendana) seharusnya ditambah jumlahnya dan diberikan kepada mereka,

terutama kolektor persendirian yang berminat untuk membina muzium seni persendirian bagi berkongsi karya dengan khalayak. Pelukis yang terkenal dan banyak berjasa kepada seni tempatan perlu diberi keutamaan untuk membina muzium. Maka akan wujudlah Muzium Seni Syed Ahmad Jamal, Muzium Seni Ibrahim Hussain dan Muzium Seni Anthony Lau. Kehadiran muzium seni ini bukan sahaja untuk memperingati mereka, malah memperbanyak muzium seni di samping menaikkan imej negara sebagai destinasi seni yang penting dan meletakkan seni budaya sebagai pendapatan utama negara.

Peranan pelukis, galeri, kurator, dan kolektor penting bagi melihat pembangunan seni di negara ini pada masa hadapan. Bagi melihat masa hadapan itu, kita perlu juga melihat dasar yang ada, seperti Dasar Kebudayaan Kebangsaan, dan Dasar Industri Kreatif Negara. Pelan perancangan jangka pendek dan jangka panjang kesenian negara perlu rapi bagi menepati sasaran.

Hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai kuasa seni lukis baharu di Asia Tenggara kini menjadi kenyataan dengan penganjuran KL Biennale. Momentum ini perlu diteruskan dalam tempoh 10 tahun akan datang dengan meletakkan Pavilion Malaysia semasa Venice Biennale. Pameran antarabangsa yang hebat di sini dapat dijadikan sebagai penanda aras baharu kepada pencapaian besar seni lukis Malaysia bagi menjadikan negara ini sebagai destinasi seni lukis utama di Asia dan pada peringkat dunia.